

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 SEPTEMBER 2016

Jangan jatuhkan negara: Najib

→ PM kecewa ada cubaan burukkan reputasi Malaysia kepada pihak luar

Nazura Ngah

nazura@bh.com.my

► Vientiane, Laos



Datuk Seri Najib Razak kecewa dengan tindakan segelintir rakyat Malaysia yang cuba menjatuhkan negara dengan memberi tanggapan buruk kepada pihak luar.

Kekecewaan itu diluahkan Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan penutup pada sesi pertemuan dengan komuniti perniagaan Malaysia di Laos semalam.

Sehubungan itu beliau mengingatkan perkumpulan itu supaya tidak cuba melakukan tindakan sama kerana jelas merugikan negara.

VAT Laos 10 peratus

“Sebagai contoh, cukai nilai tambah (VAT) di negara ini (Laos) adalah 10 peratus berbanding hanya enam peratus di Malaysia, tetapi rakyat Malaysia tetap merungut.

“Komuniti perniagaan Malaysia di sini boleh memberikan penjelasan kepada rakyat Malaysia mengenai kelebihan yang ada di negara kita, jangan menjatuhkan negara (don't knock Malaysia down)’. Saya sangat kecewa dengan tindakan itu (knock Malaysia down),” katanya.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Sesi perjumpaan lebih sejam itu membabitkan pelabur Malaysia di Laos yang terbabit dalam projek ikonik dan berpotensi tinggi seperti projek landasan kereta api



Komuniti perniagaan Malaysia di sini boleh memberikan penjelasan kepada rakyat Malaysia mengenai kelebihan yang ada di negara kita, jangan menjatuhkan negara (don't knock Malaysia down)’. Saya sangat kecewa dengan tindakan itu”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Koridor Ekonomi Timur-Barat dan projek kuasa hidro Nam Pha.

Bantu perluas perniagaan

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata Malaysia menyatakan iltizam kepada komuniti perniagaan Malaysia di Laos untuk membantu pihak berkenaan memperluaskan perniagaan masing-masing.

“Anda di sini kerana produk Malaysia membawa nama yang cukup baik, penganugerahan projek mega di negara ini kepada rakyat Malaysia jelas menggambarkan keadaan itu.

“Teruskan usaha dan saya berharap tiada pihak yang cuba menjejaskan nama baik itu. Jika kita melakukan yang terbaik, ia memberi imej baik kepada negara. Namun, jika sebaliknya, ia akan menjejaskan syarikat milik rakyat Malaysia yang sudah bertapak di negara ini,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri menghadiri beberapa sesi perjumpaan bersama pemimpin negara anggota dengan beberapa pihak antaranya wakil Perhimpunan Antara

Parlimen ASEAN (AIPA); wakil belia ASEAN dan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ABAC) sejezur berakhir majlis perasmian Sidang Kemuncak ASEAN Ke-28 dan 29 serta sidang kemuncak berkaitan di Pusat Konvensyen Nasional, di sini.

Majlis perasmian disempurnakan Presiden Laos, Bounnhang Vorachith.

Mengulas pertemuannya dengan Presiden Filipina, Rodrigo Duterte, Perdana Menteri berkata, mereka bertukar pandangan dalam pelbagai isu terutama mengenai isu terkini berhubung serangan di bandar Davao.

“Duterte menerangkan keganasan menjadi perhatian utama negaranya dan berhasrat melawat Malaysia pada satu tarikh ditetapkan, namun tarikh itu bertembung dengan lawatan rasmi saya di Jerman pada 25 September ini,” katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia di ASEM Villa di sini, malam tadi.

→ Lagi berita – Bisnes B2

SH → 7/9/2016